

Membaca selama 10 minit

Selaku peneraju program galakan membaca peringkat kebangsaan, PNB akan memainkan peranan untuk membantu masyarakat menjadikan budaya membaca sebagai satu amalan dalam kehidupan harian mereka.

SEMPENA Hari Buku dan Hakcipta Sedunia yang disambut pada 23 April lalu, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) menganjurkan program *Jom Baca Selama 10 Minit* yang bertujuan untuk menggalakkan masyarakat membaca tanpa mengira tempat serta masa.

Program yang diadakan serentak di seluruh Malaysia itu merupakan satu simbolik untuk menyemai minat membaca dalam kalangan masyarakat.

Ketua Pengarah PNB, Nafisah Ahmad berkata, program itu diadakan bertujuan untuk melahirkan masyarakat yang berbudaya membaca dan berilmu pengetahuan menerusi pembelajaran sepanjang hayat.

Menurutnya, menyedari betapa pentingnya meraikan buku sebagai sumber ilmu yang utama, pihaknya bersama Perpustakaan Awam Negeri telah menyusun program sambutan



SEBAHAGIAN daripada para pelajar meluangkan masa selama 10 minit untuk membaca buku pada program di Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur baru-baru ini.

yang diadakan secara serentak dan bersama di seluruh negara.

“Program kali ini lebih signifikan kerana ia turut diadakan di perpustakaan seluruh negara melalui persepakatan strategik dengan Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam SeMalaysia (MPAM).

“Simbolik kepada sambutan program ini, kami telah mengadakan slot membaca bersama secara serentak dan beramai-ramai selama 10 minit.

“Bacaan selama 10 minit ini

bertujuan untuk menyampaikan saranan bahawa setiap daripada kita perlu meluangkan masa untuk memimba ilmu pengetahuan menerusi aktiviti membaca sebagai amalan harian,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran program tersebut di Perpustakaan Negara Malaysia baru-baru ini.

Turut hadir ialah Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Datuk Ab. Ghaffar A. Thambi.

Tambahnya, pada 2014 seramai 2.5 juta orang telah mengambil bahagian dalam aktiviti membaca selama 10 minit di seluruh Malaysia.

“Kami berharap jumlah penyertaan yang lebih ramai dapat direkodkan pada tahun ini.

“Saya percaya dengan tersedianya 13,571 perpustakaan di seluruh negara, usaha galakan membaca ini sepatutnya tidak lagi menjadi halangan kerana masyarakat kini dapat mengakses bahan bacaan dengan lebih mudah,” ujarnya.

Dalam pada itu, Nafisah berkata, PNM pada ketika ini mempunyai lebih 4.4 juta bahan bacaan fizikal pelbagai genre dan bentuk untuk digunakan oleh seluruh masyarakat.

“Kemudahan meminjam bahan bacaan sebanyak enam buah untuk tempoh empat minggu juga seharusnya mampu memberikan akses bacaan yang cukup kepada masyarakat.

“Tidak cukup dengan itu, PNM juga menyediakan koleksi digital berjumlah lebih 5 juta yang dapat diakses dari mana-mana bagi memudahkan masyarakat mengamalkan amalan membaca ini,” katanya.

Nafisah berkata, PNM sebagai peneraju kepada program galakan membaca di peringkat kebangsaan akan terus memainkan peranan sehingga masyarakat dapat menjadikan membaca sebagai satu amalan yang berterusan dalam kehidupan harian mereka.